

**Terjemahan
Al-Qur'an**

Bersama

**Tafsir
al-Qur'an
Dengan
al-Qur'an**

Nota (8)

**Surah al-Baqarah
Ayat 113-141**

Oleh: Maulana Muhammad Asri Yusoff

Dan (kenangilah), ketika Ibrahim berdoa: “Oh Tuhanku! Jadikanlah negeri ini (Mekah ini), sebuah negeri yang aman sentosa,²⁰⁶ dan kurniakanlah kepada penduduknya rezeki yang mewah dari segala jenis buah-buahan, iaitu kepada golongan mereka yang beriman kepada Allah dan hari kemudian.²⁰⁷ Allah menjawab: “Dan kepada orang yang kafir pun Aku kurniakan juga sedikit ni`mat kesenangan (yang sementara),²⁰⁸ kemudian Aku seretkannya ke dalam azab neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.” [126].

²⁰⁶ Allah menerima doa Nabi Ibrahim itu dan ia dinyatakan di dalam dua ayat di bawah ini:

فِيهِ ءَايَاتٌ بَيِّنَاتٌ مِّمَّا قَامَ إِبْرَاهِيمُ وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ ءَامِنًا وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حُجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَفِيرٌ ۝

Bermaksud: Di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya; di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim dan sesiapa yang masuk ke dalamnya aman tenteramlah dia dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadat Haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk. (Aali `Imraan:97).

أَوْ لَمْ يَرَوْا أَنَّا جَعَلْنَا حَرَمًا ءَامِنًا وَيَتَخَفُّ النَّاسُ مِنْ حَوْلِهِمْ أَفَبِالْبَاطِلِ يُؤْمِنُونَ وَبِنِعْمَةِ اللَّهِ يَكْفُرُونَ ۝

Bermaksud: Dan tidakkah mereka melihat dan memerhatikan bahawa Kami telah menjadikan (Mekah, negeri mereka) tanah suci yang dihormati, lagi aman; sedang orang-orang ramai yang tinggal (dalam daerah-daerah) di sekeliling mereka sentiasa diculik (untuk ditawan atau dibunuh)? Oleh itu, patutkah mereka percaya kepada perkara yang salah dan kufur ingkar akan ni`mat-ni`mat Allah? (al-`Ankabut:67).

²⁰⁷ Daripada ayat-ayat yang lalu Nabi Ibrahim mungkin memahami bahawa segala kelebihan dan keistimewaan yang tersebut hanyalah untuk orang-orang mu`min sahaja, kerana itulah beliau berdoa untuk orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian sahaja, padahal sebenarnya bukan begitu. Kerana itulah Allah menjawab doanya itu dengan berfirman: “Dan kepada orang yang kafir pun Aku kurniakan juga sedikit ni`mat kesenangan yang sementara” di akhir ayat ke-126 ini. Untuk menyatakan perkara yang sama juga Allah berfirman di dalam Surah al-Israa’ berikut:

كَلَّا نُبَدِّلُ هَؤُلَاءِ وَهَؤُلَاءِ مِنْ عَطَاءِ رَبِّكَ وَمَا كَانَ عَطَاءُ رَبِّكَ مَحْظُورًا ۝

Bermaksud: Kepada masing-masing golongan, baik golongan ini mahupun golongan itu (golongan kafir dan golongan Islam), Kami hulurkan kepada mereka sebahagian dari pemberian Tuhanmu (wahai Muhammad), dan tiadalah pemberian Tuhanmu itu tersekat (dari sesiapapun). (al-Israa’:20).

²⁰⁸ di dunia ini sesuai dengan sifat rububiyahKu. Sifat itu telah pun diisytiharkan di permulaan Surah al-Fatihah lagi. Allah berfirman:

Dan (kenangilah), ketika Ibrahim membina tapak-tapak asas Baitullah (Ka'bah)²⁰⁹ bersama Isma'il (dan setelah selesai mereka berdoa): "Wahai Tuhan kami terimalah amalan kami ini. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui." [127]

Wahai Tuhan kami, jadikanlah kami berdua orang muslim (yang tunduk patuh) kepadaMu. Begitu juga dari zuriat kami, jadikanlah mereka umat muslimin (yang tunduk patuh) kepadaMu dan tunjukkanlah kepada kami cara-cara dan tempat-tempat ibadat haji kami,²¹⁰ dan terimalah taubat kami. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang. [128].

Wahai Tuhan kami! Bangkitkanlah untuk mereka sesorang Rasul dari kalangan mereka, yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayatMu, dan mengajarkan kepada mereka Kitab Suci (Al-Quran) dan Al-Hikmah (As-

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ⑤

Bermaksud: Segala puji bagi Allah, Rabb (Tuhan) semesta alam (al-Fatihah:2).

²⁰⁹ Di sini disebutkan bahawa tapak-tapak asas Baitillah itu telah dibina oleh Nabi Ibrahim bersama anaknya Isma'il. Di dalam Surah al-Hajj Allah menjelaskan bahawa tapak Baitillah itu telah ditentukan oleh Allah sendiri tempatnya kepada Ibrahim. Lihat firman Allah berkenaan di bawah ini:

وَإِذْ بَوَّأْنَا لِإِبْرَاهِيمَ مَكَانَ الْبَيْتِ أَنْ لَا تُشْرِكْ بِي شَيْئًا وَطَهِّرْ بَيْتِيَ لِلطَّائِفِينَ وَالْقَائِمِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ ⑤

Bermaksud: Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami tentukan bagi Nabi Ibrahim tempat Ka'bah (untuk membinanya, lalu Kami berfirman kepadanya): Janganlah engkau sekutukan sesuatu pun denganKu dan bersihkanlah rumahKu (Ka'bah ini) untuk orang-orang yang tawaf dan orang-orang yang berdiri dan yang rukuk serta yang sujud (mengerjakan sembahyang). (al-Hajj:26).

²¹⁰ Kerana Allah di tempat yang lain telah berfirman:

فَإِذَا قَضَيْتُمْ مَنَاسِكَكُمْ فَاذْكُرُوا اللَّهَ كَذِكْرِكُمْ آبَاءَكُمْ أَوْ أَشَدَّ ذِكْرًا فَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا وَمَا

لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلْقٍ ⑤

Bermaksud: Apabila kamu selesai menunaikan ibadah hajimu, maka berdzikirlah dengan menyebut-nyebut (kebesaran) Allah, sebagaimana kamu menyebut-nyebut (membangga-banggakan) nenek moyangmu atau lebih banyak dari itu lagi. Di antara manusia terdapat orang-orang yang hanya berdoa: "Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia" sedangkan di akhirat ia tidak mendapat sebarang habuan. (al-Baqarah:200).

Sunnah) serta membersihkan diri mereka. Sesungguhnya Engkaulah (Tuhan) yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.²¹¹ [129].

Dan tiada siapa yang bercikan agama Ibrahim, melainkan orang yang memperbodoh dirinya sendiri, dan sesungguhnya Kami telah memilihnya (sebagai seorang rasul) di dunia dan sesungguhnya dia di akhirat kelak benar-benar termasuk dalam golongan orang-orang yang saleh.²¹² [130].

²¹¹ Tidak tersebut dengan jelas di sini siapakan umat muslimin (yang tunduk patuh) kepada Allah di dalam doa Nabi Ibrahim a.s. pada ayat ke-128 sebelum ini. Ia hanya disebutkan secara umum sahaja bahawa mereka adalah dari zuriat Nabi Ibrahim dan Isma'il. Demikian juga tidak tersebut dengan jelas di dalam ayat ke-129 ini "sesorang Rasul dari kalangan mereka" yang disebut oleh Nabi Ibrahim dalam doanya itu. Siapa namanya dan apa pula bangsa yang diutuskan seorang rasul dari kalangan mereka itu. Semuanya disebutkan dengan lebih jelas pada firman Allah di dalam Surah al-Jumu'ah. Lihat ayatnya di bawah ini:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيَّةِ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ⑤

Bermaksud: Dialah yang telah membangkitkan dalam kalangan orang-orang (Arab) Ummyyin (yang berpusat di Kota Mekah), seorang Rasul dari (kalangan bangsa) mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan kepada mereka Kitab Suci (Al-Qur'an) dan Hikmah (As-Sunnah). Dan sesungguhnya mereka sebelum itu adalah dalam kesesatan yang nyata. (al-Jumu'ah:2).

Berdasarkan ayat ini dapat dipastikan bahawa bangsa dari zuriat Nabi Ibrahim dan Nabi Isma'il yang muslim itu ialah bangsa 'Arab dan seorang rasul dari kalangan mereka pula ialah Muhammad s.a.w. Ini adalah suatu yang disepakati (ijma') di kalangan ahli sejarah. Kerana tiada seorang pun rasul yang lain di kalangan mereka selepas Nabi Isma'il selain Nabi Muhammad. Dan tiada seorang pun rasul yang diutuskan di Mekah setelah Nabi Isma'il selain Nabi Muhammad s.a.w. Tiada pula orang lain yang paling menepati apa yang tersebut di dalam ayat ke-2 Surah al-Jumu'ah ini selain Nabi Muhammad s.a.w. Dialah yang membawa Kitab Suci al-Qur'an, dialah yang mengajarkan ayat-ayat Allah dan Sunnahnya. Dialah juga yang telah berjaya mengubah kehidupan dan peribadi bangsa 'Arab yang sebelumnya bergelumang dalam jahiliah. Kesimpulannya ialah Nabi Muhammad s.a.w. dan bangsa 'Arab yang muslim yang menyambut seruannya itu sebenarnya adalah hasil daripada termakbulnya doa Nabi Ibrahim dan anaknya Nabi Isma'il a.s. yang tersebut di dalam ayat-ayat di atas.

²¹² Firman Allah di akhir ayat ini iaitu: "dan sesungguhnya Kami telah memilihnya (sebagai seorang rasul) di dunia dan sesungguhnya dia di akhirat kelak benar-benar termasuk dalam golongan orang-orang yang saleh", merupakan 'illat atau alasan

إِذْ قَالَ لَهُ رَبُّهُ أَسْلِمْ قَالَ أَسْلَمْتُ لِربِّ الْعَالَمِينَ ۝ وَوَصَّى بِهَا إِبْرَاهِيمُ بَنِيهِ وَيَعْقُوبُ يٰبَنِيَّ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَىٰ لَكُمُ الدِّينَ فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ۝ أَمَرُكُمْ شُهِدَاءَ إِذْ حَضَرَ يَعْقُوبُ الْمَوْتَ إِذْ قَالَ لِبَنِيهِ مَا تَعْبُدُونَ مِن بَعْدِي قَالُوا نَعْبُدُ إِلَهَكَ وَإِلَهَ آبَائِكَ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ إِلَهًا وَاحِدًا وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ ۝ تِلْكَ أُمَّةٌ قَدْ خَلَتْ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَلَكُمْ مَا كَسَبْتُمْ وَلَا تُسْأَلُونَ عَمَّا كَانُوا يَعْمَلُونَ ۝

(Ingatlah) Ketika Tuhannya berfirman kepadanya: “Islamlah (serahkan dirimu wahai Ibrahim)!” Ibrahim (terus) menjawab: “Aku Islam dengan menyerahkan diriku (tunduk patuh) kepada Rabb (Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan) semesta alam.” [131]

Dan Ibrahim telah mewasiatkan agama itu kepada anak-anaknya, juga (cucunya) Ya'qub. (Ibrahim berkata): “Wahai anak-anakku! Sesungguhnya

kenapa bodohnya orang yang bencikan “Millah Nabi Ibrahim” itu, kenapa ia dikatakan memperbodoh diri sendiri!

Bagaimana pun tidak disebutkan dengan jelas di sini tentang hakikat “Millah Ibrahim” itu. Ia tidak lain dan tidak bukan adalah agama Islam berdasarkan kata-kata Nabi Muhammad s.a.w. sendiri yang dinukilkan oleh Allah di dalam al-Qur'an atas perintahNya. Lihat firman Allah berkenaan:

قُلْ إِنِّي هَدَانِي رَبِّي إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ دِينًا قِيَمًا مِّلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ۝

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya aku telah diberikan petunjuk hidayat oleh Tuhanku ke jalan yang lurus, (kepada) agama yang tetap teguh, iaitu agama Nabi Ibrahim yang ikhlas dan tiadalah ia dari orang-orang musyrik. (al-An'aam:161).

“Millah Ibrahim” itu jugalah yang menjadi ikutan Nabi Muhammad s.a.w. atas perintah Allah berdasarkan firmanNya di dalam Surah an-Nahl ini:

ثُمَّ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ أَنْ اتَّبِعْ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ۝

Bermaksud: Kemudian Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad): “Hendaklah engkau menurut agama Nabi Ibrahim, yang berdiri teguh di atas jalan yang benar dan tiadalah dia dari orang-orang musyrik. (an-Nahl:123).

Ayat-ayat 131, 132 dan 133 selepas ini juga jelas menunjukkan “Millah Ibrahim” itu adalah agama Islam.

Allah telah memilih agama ini untukmu, kerana itu janganlah kamu mati melainkan sebagai orang-orang Islam.²¹³ [132].

(Demikianlah wasiat Nabi Ya'qub, bukan sebagaimana yang kamu katakan itu wahai orang-orang Yahudi)! Adakah kamu hadir ketika Ya'qub kedatangan (tanda-tanda) maut, ketika ia berkata kepada anak-anaknya: "Apakah yang akan kamu sembah sepeninggalanku?" Mereka menjawab: "Kami tetap akan menyembah Tuhanmu dan Tuhan nenek moyangmu, Ibrahim, Isma'il dan Ishaq, (iaitu) Tuhan Yang Maha Esa dan kepadaNya jua kami menyerah diri." [133].

Itulah satu umat yang telah berlalu; mereka memperolehi apa yang mereka usahakan dan kamu memperolehi apa yang kamu usahakan, dan kamu tidak dipertanggungjawabkan terhadap perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka. [134].

²¹³ Firman Allah ini menegaskan bahawa agama Islamlah agama yang dipilih dan direstui Allah untuk manusia. Manusia tidak sepatutnya mati melainkan sebagai orang-orang Islam. Perkara yang sama juga tersebut di dalam dua firman Allah berikut:

إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ اللَّهِ أَلِيسُوا إِلَّا مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ
بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿٨٥﴾

Bermaksud: Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisabNya. (Aali 'Imraan:19).

وَمَنْ يَتَّبِعْ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٨٥﴾

Bermaksud: Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka sekali-kali tidak akan diterima (agama itu) daripadanya dan dia pada hari akhirat kelak termasuk orang-orang yang rugi. (Aali 'Imraan:85).